

26/06/2002

Ketua Umno negeri pastikan tiada kekeliruan

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua Badan Perhubungan Umno negeri sebulat suara menyatakan penghargaan di atas keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara daripada semua jawatan selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober tahun depan.

Mereka juga memberi sokongan sepenuhnya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjalankan tugas sebagai pemangku presiden parti pada waktu tertentu dalam masa peralihan itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Samad, mewakili semua Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata tidak akan timbul sebarang keraguan dalam peralihan kuasa itu.

Beliau berkata, semua pengerusi badan perhubungan Umno negeri akan serta-merta menjalankan tugas memberi penerangan dan penjelasan kepada anggota parti di semua peringkat bagi memastikan tiada kekeliruan timbul.

Pada sidang akhbar bersama itu Mohamed Isa berkata, keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri yang diadakan sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) diadakan hari ini.

Mereka yang hadir ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohamed Tajol Rosli Ghazali, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohamed Ali Rustam.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapha Mohamad, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh, Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata:

"Dr Mahathir telah berada dalam Kabinet sejak September 1974. Jadi hasratnya untuk berundur sebagai manusia biasa, sebagai makhluk Allah harus kita hormati dan beliau juga ingin nak beramal ibadat, ingin bersama cucunya seramai 15 orang dan merasa bebas sebagaimana manusia biasa.

"Sungguhpun jasanya terlalu banyak kepada negara tetapi hasratnya untuk bersara harus kita hormati. Saya berpendapat bahawa selama lima tahun Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau sudah cukup masa, sudah cukup matang untuk mengendalikan tugas serta kerja yang telah dilakukan oleh Dr Mahathir.

"Saya percaya Pak Lah akan dapat melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri dengan baik dan berkesan. Kita akan turun ke bawah, kita akan menceritakan kepada rakyat terutama ahli Umno dan sebagai manusia biasa, mereka pastinya akan menerima hakikat sebenar, katanya.

Adnan yang juga Pengerusi BN Pahang, berkata BN negeri menerima apa yang dihasratkan Dr Mahathir kerana ia dibuat selepas mengambil kira kepentingan parti melebihi kepentingan diri dan keluarganya.

"Kita juga mengharapkan insya-Allah segala-galanya akan berjalan lancar. Kita di Pahang memberi sokongan penuh tidak berbelah bagi kepada Pak Lah yang akan menjalankan tugas Pemangku Presiden Umno dan Perdana Menteri dalam masa Perdana Menteri bercuti sehinggalah sampai masa Dr Mahathir menetapkan tarikh sebenar beliau berundur," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapha Mohamed berkata:

"Kita di Kelantan amat lega. Kami menghormati keputusan Perdana Menteri. Bagi saya peristiwa dua tiga hari lalu, banyak memberi iktibar dan mengukuhkan lagi perpaduan dalam parti. Kami di Kelantan akan meneruskan kerja untuk memantapkan lagi Umno.

"Hari ini sudah ada ketentuan dan kepastian. Dr Mahathir akan terus menjadi Perdana Menteri, Presiden Umno dan Menteri Kewangan sepanjang tempoh peralihan dan beliau sudah menetapkan Pak Lah sebagai pengganti.

"Ini penting kerana adanya ketentuan, adanya kepastian. Kenyataan hari ini memberi satu nafas baru, meningkatkan keyakinan bukan saja rakyat Malaysia, malah masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia akan terus mara ke hadapan.

"Kita telah mencapai banyak kejayaan bersama Dr Mahathir dan saya yakin Pak Lah akan mampu melaksanakan tugas dengan baik bila tiba masanya kelak," katanya.

(END)